

**(Majlis Mesyuarat disambung
semula pada pukul 2.30 petang)**

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Ahli-Ahli Yang Berhormat. Sebagaimana yang sedia dimaklumi pada pagi tadi, Rang Undang-Undang Yang Bergelar **"Suatu Akta untuk membekalkan sejumlah wang dari Kumpulanwang yang disatukan bagi Perkhidmatan Tahun Kewangan 2024/2025 dan untuk memperuntukkan wang yang tersebut itu bagi maksud-maksud tertentu"** telah pun selesai dibentangkan dengan komprehensif dan terperinci oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II dan mendapat sokongan daripada Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II.

Oleh yang demikian, saya ingin memberikan peluang sekarang kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat khususnya Ahli-Ahli Berhormat Yang Dilantik yang suka sama ada untuk bertanya ataupun membahaskan Rang Undang-Undang ini.

Walau bagaimanapun, saya ingin menarik perhatian pada yang berkenaan supaya perbahasan ditumpukan kepada asas dan peraturan kelayakannya menurut Peraturan 28 (2) daripada Peraturan-Peraturan bagi Majlis Mesyuarat Negara. Saya ingin membuat peringatan bahawa soalan-soalan dan

perbahasan perlulah berhubung kait dengan dasar dan isu kandungan mukadimah yang dibentangkan tadi.

Sekarang saya ingin menjemput Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Rahman bin Haji Ibrahim untuk memulakan perbahasan. Silakan Yang Berhormat.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Rahman bin Haji Ibrahim:

Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

سَمِ اللَّهُ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ
لِحَمْدِ اللَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةِ وَالسَّلَامِ عَلَى أَشْرَفِ
الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ
أَجْمَعِينَ

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

dan salam sejahtera. Lebih dahulu kaola ingin mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua kerana memberikan peluang bagi kaola untuk ikut serta dalam perbahasan mengenai Rang Undang-Undang Belanjawan Tahun ini. Lebih dahulu diucapkan 2025/2024 setinggi-tinggi tahniah kepada Kementerian Kewangan dan Ekonomi dan Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II di atas pembentangan Belanjawan Tahun Kewangan 2024/2025 yang begitu infomatif dan terperinci dengan

memuatkan hala tuju, tumpuan-tumpuan dan sasaran-sasaran yang begitu jelas.

اللَّهُمَّ secara peribadi kaola berpendapat kertas belanjawan ini dan mukadimah yang disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II adalah cukup padat, luas dan komprehensif.

Ia meliputi hampir kesemua aspek-aspek utama dalam menjana pertumbuhan ekonomi yang mapan, dinamik dan berdaya saing. Kaola juga bersyukur dan turut gembira di atas inisiatif-inisiatif yang telah diusahakan dan dilaksanakan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam terutamanya dalam menarik *FDI* baru yang akan *transform* struktur dan landskap ekonomi ini dalam sektor bukan minyak dan gas.

Kita juga mengalu-alukan usaha meningkatkan sumbangan syarikat usaha sama *GLC's* dan pelabur luar asing dalam sektor agri bisnes dan permakanan. Begitu juga usaha-usaha bersepadu dalam meningkatkan *capacity building* dalam kedua-dua sektor awam dan swasta di negara ini melalui latihan teknikal komersial dan berbilang kepakaran. Kita juga mengalu-alukan inisiatif yang berhubung kait dengan memperkereskan *connectivity* dalam bentuk perkhidmatan yang *affordable* dan usaha-usaha transformasi *digital* dalam sektor kerajaan dan swasta.

Kita berharap inisiatif-inisiatif ini akan memberikan impak yang meluas dan

across the board, on the ground dan akan dapat meningkatkan lagi taraf hidup dan kesejahteraan rakyat serta penduduk negara ini khususnya dalam aspek sosioekonomi.

Mudah-mudahan inisiatif-inisiatif ini akan merangsang dan mengaktifkan lagi aktiviti ekonomi dan sekali gus menyediakan lebih banyak peluang-peluang pekerjaan kepada anak-anak tempatan dan dapat mengurangkan kadar kemiskinan di negara ini. Langkah-langkah ini juga adalah selaras dengan tema Belanjawan Tahun 2024/2025 ini iaitu "Bersatu Membina Masa Depan Yang Lebih Makmur" dalam usaha negara ke arah mencapai Wawasan Brunei 2035 *إِنْ شَاءَ اللَّهُ*. Kaola ucapkan syabas dan tahniah di atas usaha-usaha dan pencapaian-pencapaian tersebut. Semoga *اللَّهُ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى* akan memudahkan semua urusan kita untuk menjadikan negara ini berterusan sebagai negara yang aman makmur dan mendapat keredhaan *اللَّهُ* yang maha pengampun dan rakyat dan penduduknya sentiasa dalam kesejahteraan di bawah pimpinan bijaksana dan berwawasan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Kaola perhatikan dalam Belanjawan 2024/2025 ini *اللَّهُمَّ* kerajaan telah menambah peruntukan keseluruhannya sebanyak kira-kira \$290 juta.

Betulkan jika sekiranya betul atau salah. Berbanding Tahun Kewangan 2023/2024 walaupun negara sekali lagi diunjurkan

akan mengalami defisit belanjawan sebanyak \$2.99 bilion. Kaola memahami bahawa peningkatan sederhana dalam belanjawan ini adalah sebagai langkah berhati-hati di mana kerajaan perlu mengukuhkan kewangan negara terutamanya dalam keadaan ekonomi global yang walaupun lebih stabil namun masih kurang **menentu** dan sukar diramal.

Lebih-lebih lagi dalam suasana geopolitik yang semakin mencabar ketika ini yang boleh saja menjejaskan harga komoditi utama negara. Walau bagaimanapun, kaola rasa dalam mempraktikkan perbelanjaan berhemah ini kita perlu juga membuat keseimbangan dasar supaya ia hendaklah mesra pertumbuhan (*growth friendly*) supaya ia masih dapat merangsang aktiviti -aktiviti ekonomi yang berimpak tinggi di samping meningkatkan pendapatan hasil negara untuk mengurangkan defisit belanjawan dan membuka lebih banyak lagi peluang pekerjaan baru dan berkualiti.

Ke arah itu, izinkan kaola **menyentuh** beberapa perkara utama yang mungkin boleh diteliti secara saksama dalam kita melaksanakan Belanjawan 2024/2025 ini. Pandangan kaola ini adalah sebagai mempraktikkan amalan *the Whole of Nation Approach* dalam usaha kaola untuk menyokong dan mendukung dasar-dasar Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua Dewan dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, perkara pertama yang akan kaola sentuh ialah mengenai kewangan yang disediakan di bawah Peruntukan Kemajuan.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ pada Tahun Kewangan 2024/2025 ini, Kerajaan akan memperuntukkan sebanyak \$500 juta bagi maksud tersebut. Walaupun jumlah ini adalah sama dengan peruntukan pada Tahun Kewangan 2023/2024 yang mana kaola rasa jumlah ini mungkin munasabah pada peringkat ini memandangkan ini adalah tahun pertama pelaksanaan Rancangan Kemajuan Negara ke-12.

Seperti kebiasaannya tahun pertama ini lebih ditumpukan ke arah merancang dan membuat persediaan bagi projek-projek yang akan dilaksanakan. Cuma apa yang menjadi keprihatinan kaola ialah mengenai jumlah keseluruhan yang akan diperuntukkan bagi tempoh 5 tahun pelaksanaan RKN-12 iaitu \$4 bilion serta pengagihannya pada sektor-sektor yang berkeutamaan.

Kaola memang memahami jumlah ini bukanlah jumlah yang statik malahan boleh *direview* tergantung pada keperluan dan hala tuju serta kepentingan semasa negara. Kaola menyedari bahawa dalam tempoh RKN-11 yang lepas, sebahagian projek RKN tersebut terpaksa ditunda pelaksanaannya. Ini memang difahami kerana negara juga turut dilanda dan terkesan oleh pandemik *COVID-19*.

Kaola juga menyedari bahawa jumlah peruntukan yang disediakan kerajaan bagi gaji kakitangan dan perbelanjaan operasi memang semakin meningkat dari tahun ke setahun dan pada Tahun Kewangan 2024/2025 ini berjumlah kira-kira \$4.33 bilion.

Namun, kaola sendiri masih berpendapat bahawa negara ini masih memerlukan jumlah *capital expenditure* dengan jumlah yang berpatutan dari kerajaan.

Keperluan dan faedah penyediaan *capital expenditure* dan jumlah yang munasabah telah pun kaola sentuh dalam ucapan menjunjung kasih semalam di dalam Dewan yang mulia ini. Kaola hanya ingin menambah bahawa pandangan kaola ini adalah mengambil kira maklum balas *on-the-ground* dari orang ramai terutamanya masyarakat perniagaan di negara ini.

Golongan ini berpendapat bahawa perkembangan sektor swasta pada ketika ini adalah masih belum begitu kukuh. Bilangan dan jumlah pelaburan langsung asing baharu belum begitu banyak dan suntikan dari pelaburan syarikat milik kerajaan masih dikira sedikit walaupun terdapat penglibatan *GLC's* ini dalam dua projek mega seperti projek *Petro Chemical* dan *Refinery* di Pulau Muara Besar dan *Brunei Fertiliser Industry*.

Perkara ini adalah penting untuk diteliti secara saksama kerana dari maklum balas yang diperolehi tersebut terdapat beberapa sektor ekonomi telah mulai

terjejas. Pada misalnya dalam industri pembinaan dan perumahan di mana firma-firma perunding tempatan telah mula *downsizing*, pinjaman bank bagi industri pengangkutan air dan tenaga juga telah menurun seperti yang dilaporkan dalam suku ketiga 2023 oleh Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik dan Bank Pusat Brunei Darussalam.

Begitu juga dengan laporan yang berkaitan *merchandise trade*, ia mencatatkan pengurangan sebanyak 21.3% berbanding suku ke tiga 2022. Dalam waktu yang sama juga keseluruhan perdagangan selaku peratus kepada *GDP* juga menurun kepada 131.6% dari 144.9% pada suku ketiga 2022. Ekspot minyak dan gas menurun sebanyak 43.3% manakala nilai eksport industri hiliran dan eksport komoditi domestik berbanding suku kedua 2022 juga menurun.

Kita berharap dengan pelaburan kerajaan ini, ia akan menyuntik semangat dan nafas baru kepada masyarakat bisnes di negara ini untuk lebih aktif dalam membantu menjana dan merangsang aktiviti ekonomi dalam bidang masing-masing. إِنْ شَاءَ اللَّهُ

Oleh itu, kaola ingin memohon pencerahan dari Kementerian Kewangan dan Ekonomi sama ada jumlah *Capital Expenditure* yang diperuntukkan dalam RKN ke-12 ini pada keseluruhannya difikirkan sudah mencukupi dan dapat menampung sasaran pertumbuhan (*projected growth*) yang diunjurkan oleh

AMRO pada tahun ini. Adakah ia akan dapat membantu negara mencapai tahap sebagai sebuah ekonomi yang dinamik dan berdaya tahan seperti yang dihasratkan dalam Wawasan Brunei 2035, dalam waktu yang sama akan mengurangkan kadar pengangguran serta kadar kemiskinan di negara ini.

Adakah peruntukan yang disediakan dalam RKN-12 ini terutamanya sektor-sektor pendidikan, kesihatan, perumahan dan yang berkaitan dengan taraf kehidupan akan dapat memperbaiki lagi kedudukan *human development index* negara yang disasarkan dalam *Sustainable Development Goals*. Kaola sendiri berpendapat untuk mencapai sasaran tersebut, semua pihak yang berkepentingan termasuk sektor awam, sektor swasta, syarikat milik kerajaan dan *FDI* perlu sama-sama membuat jumlah pelaburan yang berpatutan setiap tahun untuk merangsang aktiviti ekonomi dan membuka lebih banyak pekerjaan, peluang perdagangan serta perkhidmatan yang baru.

Yang penting ada hala tuju yang jelas, ekosistem perniagaan yang kondusif dan mesra bisnes dan dasar serta peraturan yang menggalakkan dan memudahkan bisnes untuk berkembang maju.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, perkara ke dua yang ingin kaola bangkitkan ialah mengenai perlunya ada keselarasan dan keseimbangan di antara tumpuan ekonomi dan penyediaan peruntukan dalam sektor-sektor utama. Dalam *Economic Blueprint* dan *peta* jalan yang

digubal, lima kluster utama telah dikenalpasti untuk dimajukan sebagai pemangkin ke arah kepelbagaian ekonomi negara.

Lima kluster tersebut termasuklah industri hiliran, makanan, perkhidmatan, teknologi maklumat dan komunikasi dan pelancongan.

أَلْحَمْدُ لِلَّهِ mengenai isu *food security* industri makanan, nampak kepada kita pada Rancangan Kemajuan Negara ke-12 ini, kerajaan telah memperuntukkan jumlah yang agak lumayan sebanyak kira-kira \$237 juta bagi jangka waktu 5 tahun yang akan datang bagi mendukung objektif ini. Diucapkan tahniah atas inisiatif tersebut, kaola berharap dengan peruntukan ini ia akan jadi pemangkin dan akan mendorong lebih banyak lagi penglibatan sektor swasta tempatan dan *FDI* untuk memacu pertumbuhan sektor *agribusiness* dan makanan ini, yang seterusnya akan meningkatkan penghasilan produk-produk pertanian dan agrimakanan bukan sahaja untuk sara diri malahan untuk diekspot.

Kaola juga bersyukur mengenai jumlah harga rancangan yang disediakan ke arah mendukung transformasi digital dalam kerajaan, dalam usaha negara menuju ke arah *connected smart nation* seperti yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri sebentar tadi.

Cuma yang penting ialah dari segi pensejajaran dan penyelarasan agensi-agensi pelaksana supaya *impaknya*

bukan sahaja dirasa oleh penjawat-penjawat awam malah juga dalam meningkatkan ekosistem perniagaan di negara ini serta kepada seluruh rakyat dan penduduk di negara ini.

Ke arah itu, kaola ingin memohon pencerahan apakah langkah-langkah strategik kementerian dan agensi-agensi yang lain dalam kerajaan untuk mensejajarkan kemajuan *hardware digitalisation* dengan perkembangan *softwarenty* iaitu dari segi mengadakan *change management* dan *capacity building* yang berterusan bukan saja bagi pegawai-pegawai yang terlibat dan pihak-pihak yang berkepentingan malahan kepada penuntut-penuntut supaya mereka sentiasa *future-ready* dan *industry-ready* serta *system digitilisation* negara akan memupuk dan membentuk penuntut-penuntut untuk berfikir secara holistic, strategik dan taktikal. Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Pada masa yang sama apabila kita amati peruntukan yang disediakan dalam kluster terutama yang lain umpamanya sektor pelancongan yang disediakan harga rancangan sebanyak \$36.4 juta, koala rasa ianya adalah sangat sedikit, terhad dan *barely enough* untuk memberikan impak yang besar kepada sektor dan agensi yang mendukung kluster ini. Sebagai salah satu kluster utama sepatutnya pelaburan yang munasabah perlu disediakan untuk *leap frogging* sektor ini supaya negara sekurang-kurangnya dapat menarik lebih banyak pelancong dan seterusnya

mengimbangi aliran keluar mata wang negara ke luar negeri.

Di samping itu, pelaburan ini juga diharap akan menjana lebih banyak lagi spin off kepada aktiviti ekonomi negara terutamanya dalam sektor hospitaliti dan perkhidmatan yang berkaitan seperti *hotel, retail, transportation*, restoran dan lain-lain yang kesan positifnya akan membuka lebih banyak peluang pekerjaan kepada anak-anak tempatan.

Akhirnya kita hanya mampu membuat sasaran kemasukan pelancong kira-kira 370 ribu orang pada tahun 2024 dan kira-kira 550 ribu orang pelancong pada tahun 2029. Sasaran ini adalah sangat sedikit untuk memacu dan merangsang aktiviti ekonomi bagi sektor dan subsektor yang berkaitan.

Kesannya, *Our pie is not growing for everyone to share* dalam erti kata sebenar *we need to spend money to make money*. Walhal kita masih mempunyai *comparative advantages* dan *niche* sebagai sebuah negara yang stabil, aman, selamat dengan rakyatnya yang peramah (*friendly*) dan menghormati serta memuliakan tetamu. Kaola menyedari untuk membina infrastruktur pelancongan yang baharu untuk kemudahan rakyat dan para pelancong, ia akan memerlukan pelaburan kapital yang besar.

Ini tidaklah semestinya disediakan oleh kerajaan sahaja malahan ianya boleh dilaksanakan melalui pihak swasta, *Public Private Partnership* dan *FDI*. Akan

tetapi semua ini memerlukan *coordinated* dan *integrated approach*. Pensejajaran yang mantap, perbaikan ekosistem perniagaan yang kondusif dan *delivery system* yang proaktif serta *pro-business*.

Di samping itu, ianya juga memerlukan kita untuk meneroka *options* pelancongan lain seperti pelancongan pendidikan, pelancongan kesihatan, *Islamic Tourism*, pelancongan kebudayaan, *Conferencing Centre*, pelancongan *sport* dan sebagainya di samping *ecotourism* yang sedia ada.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Perkara terakhir yang ingin kaola sentuh ialah mengenai inisiatif agensi-agensi kerajaan dan peranan institusi kewangan tempatan dalam membantu peniaga/pengusaha sama ada yang sudah bertapak (*established*) mahupun Pengusaha Micro Kecil dan Sederhana (PMKS) untuk mendapatkan akses kepada modal kewangan.

Golongan ini terutamanya pengusaha-pengusaha belia tempatan adalah penting untuk diberikan kemudahan yang diperlukan untuk memajukan perniagaan mereka. Maksud koala bukanlah dalam bentuk *hand out* tapi dari segi penggubalan dasar dan peraturan yang *pro-business* dan latihan-latihan kepakaran seperti pengurusan, pemasaran, kewangan, teknikal, teknologi dan inovas.

اللَّحْمَدُ لِلَّهِ setakat ini kaola perhatikan banyak usaha-usaha telah dilakukan untuk mengaktifkan dan menggalakkan

belia berniaga. Kaola ucapkan tahniah pada pihak kerajaan dan juga belia yang mempunyai semangat dan jati diri untuk berdikari. Namun begitu kaola perhatikan adakalanya dasar yang digubal tidak selari dengan pelaksanaannya.

Satu contoh yang ketara ialah apabila dasar untuk membantu PMKS ini tidak selaras dengan kadar faedah keuntungan mahupun *collateral* yang dikenakan oleh sebilangan institusi kewangan tempatan kepada peminjam peniaga-peniaga kecil mahupun yang telah bertapak. Ini bukan saja menyukarkan malahan sangat membebankan start up dan PMKS untuk memenuhinya.

Sebilangan pelabur-pelabur asing yang sudah bertapak juga mengalami kesukaran yang sama untuk mendapatkan pinjaman yang diperlukan walaupun dalam bentuk pelaburan memiliki aset bagi tempat berniaga. Akhirnya ekonomi negara menjadi stagnant dan tidak berkembang seperti yang diharapkan.

Oleh itu kaola ingin mengetahui apakah langkah-langkah strategik Kementerian Kewangan dan Ekonomi melalui Brunei Darussalam *Central Bank* untuk memperbanyakkan lagi penglibatan sektor perbankan tempatan untuk membantu mengembangkan dan meningkatkan ekosistem di negara ini supaya lebih kondusif kerana sektor ini adalah paling penting sebagai pemangkin untuk merangsang aktiviti ekonomi secara keseluruhannya.

Sekian dulu pandangan menyeluruh kaola berkenaan Belanjawan Kewangan 2024/2025 yang dibentangkan.

Kaola berdoa semoga belanjawan ini akan mencapai objektifnya sebagai pelaburan masa depan yang akan meningkatkan kemakmuran negara dan dapat memperbaiki kehidupan dan kesejahteraan rakyat dan penduduknya masa ini dan akan datang. **إِنْ شَاءَ اللَّهُ.**

Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

Terima kasih Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Rahman bin Haji Ibrahim. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Awang Abd Aziz bin Haji Hamdan.

Yang Berhormat Awang Abd Aziz bin Haji Hamdan:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Yang Di-Pertuadan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kaola merakamkan ucapan tahniah dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II atas pembentangan dan huraian yang komprehensif mengenai Rang Undang-Undang Perbekalan yang diberi tema Bersatu Membina Masa Depan Yang Lebih Makmur.

Kaola berpandangan bahawa belanjawan kali ini memberi penekanan tentang usaha-usaha berterusan pihak kerajaan

bagi mengwujudkan gerak kerja perbelanjaan yang inklusif dengan mengambil kira perbelanjaan berhemah sebagai landasan utama ke arah menstabilkan ekonomi negara dan mengimbangi defisit yang dihadapi.

Justeru langkah-langkah drastik perlu dibuat bagi memastikan perbelanjaan dapat dimanfaatkan oleh rakyat menerusi inisiatif-inisiatif baru yang lebih baik dan menarik serta mampu meningkatkan kualiti dan produktiviti perkhidmatan agensi-agensi kerajaan sejajar dengan apa yang dihasilkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Selain daripada itu kaola juga berharap agar belanjawan kali ini hendaklah menyasarkan perkara-perkara strategik antaranya membangunkan ekosistem yang kondusif untuk perniagaan inklusif di Negara Brunei Darussalam.

Ini termasuklah menggalakkan bentuk baru *public private partnership* dalam menghadapi perniagaan bentuk baru yang mampu menyumbang kepada pendapatan negara. Pada masa yang sama sikap terbuka pihak kerajaan untuk bekerja lebih dekat dengan sektor swasta dalam menyelesaikan masalah *public goods* dan isu pekerjaan.

Pendekatan ini penting sebagai usaha bagi menangani isu rakyat yang berpendapatan rendah dan tidak berkemampuan. Perniagaan inklusif ataupun perniagaan sosial merupakan

sistem perniagaan yang seharusnya memberi nilai kepada rakyat dan masyarakat. Di samping mendapatkan keuntungan program perniagaan inklusif dapat diadaptasikan oleh syarikat besar mahupun kecil. Peranan pihak kerajaan adalah sebagai pemudah cara sektor swasta untuk melaksanakannya. Ini adalah kaedah menang-menang yang memberikan keuntungan kepada semua pihak bagi memacu pertumbuhan ekonomi rakyat dan merupakan inisiatif baru dalam era masyarakat ekonomi ASEAN MEA.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Di dalam memperkatakan soal ekosistem tempat-tempat perniagaan yang sedia ada mahu pun yang akan dirancang perlulah dilihat dari kesesuaiannya dari semua aspek termasuklah lokasi yang strategik, kemudahan infrastruktur di samping reka bentuk yang menarik mampu mewujudkan prasarana perniagaan yang kondusif.

Mana-mana bangunan perniagaan yang tidak lagi sesuai perlu dinaik taraf melalui kaedah transformasi konsep perniagaan baharu yang lebih menarik. Memang tidak dapat dinafikan sudah ada usaha bagi mempelbagaikan tapak-tapak perindustrian dengan konsep perniagaan yang lebih menarik dan mendapat permintaan yang tinggi di pasaran. Sebagai contoh, tapak perindustrian ringan di Kampong Lugu yang mula dikenali dengan *Lugu Light Industrial Park*.

Kawasan perindustrian ringan ini menyediakan kemudahan seperti dewan untuk majlis-majlis perkahwinan yang menjadikan kawasan ini sering dikunjungi oleh orang ramai. Ini adalah antara contoh transformasi perniagaan yang perlu dilaratkan ke kawasan-kawasan lain yang berpotensi seperti gerai-gerai, bangunan pasar malam dan sebagainya.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kaola sangat berharap agar belanjawan ini juga memberi perhatian kepada isu-isu berbangkit dan sering dibawakan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat pada sesi muzakarah bersama kementerian-kementerian dan di Dewan yang mulia ini seperti isu jalan raya yang sering rosak, lampu-lampu jalan yang tidak berfungsi, papan-papan tanda yang sudah kabur, longkang-longkang yang sering tersumbat dan sebagainya. Usahakanlah secepatnya agar rakyat tidak bising lagi dan kesejahteraan serta keselamatan orang ramai tetap terpelihara dan terjamin, ان شاء الله.

Sekian,

وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

Saya persilakan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Suyoi bin Haji Osman.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Suyoi bin Haji Osman:

Terima Kasih Yang Berhormat Yang

Di-Pertua atas kesempatan bagi kaola untuk membahaskan Tajuk Anggaran Belanjawan Negara Tahun 2024/2025.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ
الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ
أَجْمَعِينَ

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera. Kaola lebih dahulu ingin mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II atas pembentangan kertas Belanjawan Tahun Kewangan 2024/2025.

Kaola menyambut baik pembentangan yang begitu tersusun padat dan cukup jelas tentang usaha dan pencapaian Kementerian Kewangan dalam mengatur strategi menangani kemerosotan pendapatan negara. Tetapi dalam masa yang sama, masih mampu melaksanakan tindakan yang wajar untuk mengurangkan impak di samping berusaha terus menarik pelabur asing.

Kaola menghargai cabaran yang dihadapi oleh pihak kementerian di dalam menggubal dasar fiskal, mengurus kewangan negara, memacu ekonomi yang berdepan dengan krisis global, mengimbang bajet (*balancing the budget*) di samping terus berusaha untuk menjana pertumbuhan ekonomi yang *sustainable*.

Maka sebab itu, kaola amat menghargai peranan yang dimainkan oleh Yang

Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Timbalan-Timbalan Menteri Kewangan, Setiausaha-Setiausaha Tetap dan semua pegawai di kementerian kewangan pada masa ini, dan juga oleh mantan-mantan Menteri-Menteri Kewangan sebelum ini dalam mengendalikan kewangan negara.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Kaola tidaklah akan mengupas peruntukan setiap jabatan di bawah Kementerian Kewangan kerana akan berpeluang nanti pada peringkat jawatankuasa.

Kaola cuma ada beberapa soalan, soalan pertama kaola ialah adakah apa yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II dikongsikan juga atau diberigakan dengan kementerian-kementerian lain, agensi-agensi, *Government-Linked Companies* (GLCs) dan *Non-Governmental Organization* (NGO), Badan-badan swasta bukan saja pada sesi seperti ini tetapi pada setiap masa.

Masa ini banyak yang beranggapan pihak kerajaan tidak mengambil tindakan untuk menggerak ekonomi kita. Sedangkan berita yang didengar banyak hal-hal pembangunan ekonomi luar negara hingga perbandingan dibuat. Ini dengan sendirinya memberi gambaran yang negatif tentang Brunei dan mudah sahaja *discourage* pelabur dan pelancong dari luar untuk datang ke Brunei.

Kaola seterusnya ingin juga bertanya sama ada Kementerian Kewangan terdapat mekanisme pemantauan *performance* setiap perbelanjaan diadakan *periodically* bukan hanya hujung tahun. Ini supaya apa yang dibuat oleh setiap kementerian dapat dipantau dan disejajarkan dengan tindakan kementerian yang berkaitan. Ini bagi membolehkan satu perancangan itu dilaksanakan mengikut jadualnya dan saling mendukung.

Kaola hanya ingin melihat setiap peruntukan yang digunakan mendatangkan kesan yang positif kepada negara terutama dalam mengatasi permasalahan negara seperti isu pekerjaan, isu kemiskinan, isu kelemahan sektor swasta, pengaliran wang keluar negara, kenaikan harga barang keperluan, usaha ke arah menarik pelaburan asing ke negara ini.

Isu bagaimana kita mengembangmajukan sektor pelancongan, bagaimana kita akan meningkatkan hasil dari pertanian, perikanan dan agrimakanan yang semua ini bergantung kepada kecekapan Kementerian Kewangan memberi *budget allocation* bukan saja mengikut keperluan setiap kementerian berkenaan (*not viewed and isolation*) tetapi sebahagian daripada sistem bajet yang berkait rapat.

Dengan kita memfokus bagaimana peruntukan satu kementerian lain boleh menyebabkan pembangunan di kementerian lain, pihak kerajaan

khususnya kementerian kewangan sudah pasti meneliti bagaimana untuk mewujudkan situasi terdapat *multiplier effect* bagi membolehkan kementerian lain mencapai sasarannya.

Pelaburan dalam infrastruktur boleh mendukung pembangunan ekonomi dengan menyumbang kepada *business efficiencies* yang mana akan membawa kepada pekerjaan dan ini setentunya juga mendatangkan *positive spillovers* ke atas pelbagai sektor seperti pengangkutan, perumahan, pertanian, Perusahaan Kecil dan Sederhanadan sebagainya.

Di sini kaola berpendapat pendekatan *whole of government* dan *whole of nation* dapat dilihat sejauh mana berkesan dan bagaimana ia adalah kritikal kepada pembangunan yang mampan. Ia memerlukan kefahaman yang menyeluruh bahawa setiap sektor dalam kerajaan saling bergantung kepada satu yang lain dan *strategic budget allocation* boleh mengoptimumkan pencapaian setiap sektor kerajaan. Sebagai contoh, peruntukan dan pelaburan dalam pendidikan boleh memperkasa tenaga kerja untuk menghasilkan produktiviti yang tinggi.

Tetapi untuk itu, perlu juga diadakan pekerjaan dalam bidang-bidang yang sudah dikenal pasti sama ada dalam kerajaan mahupun swasta. Pekerjaan tidak akan wujud tanpa pelaburan atau peruntukan dalam sektor-sektor yang berpotensi menyediakan pekerjaan

seperti industri pembinaan, pelancongan, pertanian dan agrimakanan, industri *petro-chemical* dan sebagainya. Beberapa kali kita bertemu situasi yang mana satu kementerian itu tidak mampu meneruskan agenda strategiknya disebabkan peruntukan yang diberikan tidak mencukupi. Akibatnya projek tidak dapat disiapkan dan ini menjejaskan perkembangan yang lain.

Dalam perkara ini, kaola berpendapat kita sewajarnya terus mencari pelbagai inisiatif dan dengan fikiran terbuka dan pendekatan yang inklusif untuk menangani masalah pendapatan negara yang semakin kurang sementara perbelajaan negara yang terus meningkat. Mercu tanda kejayaan dasar dan strategi dan perancangan yang kita bincangkan di Dewan ini ialah apabila ia membawa perubahan yang ketara yang dapat dinikmati oleh semua lapisan rakyat terutama yang terkesan.

Akhir sekali, kaola ingin merakamkan sokongan ke atas Belanjawan 2024/2025 yang telah dibentangkan, kita semua berharap agar Rang Belanjawan ini, walau tidak selesai dan dijangkakan mampu menggerak jentera kerajaan kita berjalan lancar di samping berupaya menjana pertumbuhan ekonomi dalam jangka pendek dan panjang.

Sekian,

وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:
Saya persilakan pula Yang Berhormat

Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Md. Yusof.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Md. Yusof: Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ
الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ
أَجْمَعِينَ

dan salam **السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ** sejahtera. Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Lebih dahulu kaola sukacita merakamkan ucapan terima kasih yang setinggi-tingginya dan penghargaan kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua kerana memberikan kaola peluang dalam membahaskan Belanjawan Negara bagi Tahun Kewangan 2024/2025.

Dalam kesempatan ini juga, kaola ingin mengucapkan syabas dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II yang berjaya membentangkan Rang Undang-Undang Perbekalan bagi Tahun Kewangan 2024/2025 dengan penuh komprehensif berserta dengan data-data yang relevan dan menjurus kepada perancangan strategik dan pelan-pelan tindakan mengikut keperluan dan keutamaan

dalam usaha yang berterusan untuk menggerakkan dan memajukan sosioekonomi negara yang lebih mantap, dinamik dan *sustainable*.

Ini juga mengambil kira melangkaui hal ehwal kemasyarakatan, keselamatan, kesejahteraan dan kebajikan yang menjurus kepada kehidupan yang lebih berkualiti tinggi untuk dinikmati dalam kalangan rakyat dan penduduk di Negara Brunei Darussalam.

Dalam kesempatan ini juga, kaola ingin menghargai dan mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II serta semua warga Kementerian Kewangan dan Ekonomi dan pihak-pihak yang terlibat dalam menyediakan rangka kerja termasuk perancangan inisiatif-inisiatif yang akan dilaksanakan dengan begitu rapi dan sistematik bertujuan untuk memudahkan pihak-pihak yang berkepentingan untuk dijadikan sebagai garis panduan dalam melaksanakan sehinggalah ianya menjadi realiti إِنْ شَاءَ اللَّهُ

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat. Apa yang dapat saya amati, semua langkah-langkah dan usaha-usaha yang telah dan turut rancang dirangka yang akan dilaksanakan untuk memacu dasar negara bagi mempelbagaikan industri bukan sahaja bersandarkan semata-mata kepada industri minyak dan gas agar berpotensi besar yang tidak hanya mampu meningkatkan pertumbuhan ekonomi tetapi juga mewujudkan pelbagai industri

aliran *economic spin-off effect* yang meluas serta lebih banyak peluang-peluang pekerjaan dalam kalangan anak-anak tempatan khususnya dalam sektor profesional dan lebih banyak *entrepreneurship* serta mereka-mereka yang berkemahiran.

Apa yang diharapkan dengan adanya perkembangan-perkembangan yang pesat nanti dan juga pertumbuhan perekonomian dan aktiviti perniagaan serta peluang-peluang pekerjaan dalam kalangan anak tempatan akan dapat membantu pihak kerajaan dalam mengurangkan kadar pengangguran negara dan lebih signifikan dan juga sekali gus dapat membantu kita bersama-sama membasmi kemiskinan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat. Sebagaimana pengalaman negara-negara maju peruntukan *research in development* diberikan keutaman sehingga mencecah pada purata 3% hingga 5% daripada *GDP* seperti *South Korea* 4.8%, *Japan* 3.5%, *Germany* 3.13% dan *Belgium* 3.4% daripada jumlah *GDP* negara masing-masing.

Ini adalah menyedari akan kepentingan mustahaknya penyelidikan dan perkembangan atau *research in development* dalam menyumbang dan memperkasakan pertumbuhan ekonomi yang lebih dinamik dan *sustainable*.

Di samping itu juga antara manfaat dan faedah yang dapat diperolehi antaranya dapat mewujudkan lebih banyak lagi

peluang pekerjaan berkemahiran tinggi dan professional, mencipta lebih banyak produk dan industri aliran yang baru yang dapat diwujudkan, meningkatkan inovasi, *creativity* dan keusahawanan, meningkatkan produktiviti dan juga yang mustahak juga ialah menarik lebih banyak lagi pelaburan langsung dan juga peniaga-peniaga asing di negara-negara berkenaan.

Bagi mencontohi negara-negara maju yang antara lain saya nyatakan tadi, Negara Brunei Darussalam sepatutnya juga lebih mengutamakan dan meningkatkan lagi peruntukan yang khusus yang berhubung kait dengan *research in development* ini bagi membolehkan negara ini mengalakkan pembangunan dan kemajuan yang lebih signifikan dan dinamik dan sekali gus *إِنْ شَاءَ اللَّهُ* berdaya ke arah Wawasan Brunei 2035.

Sehubungan dengan itu, sukacita juga memohon pencerahan Yang Berhormat Menteri Kewangan dan Ekonomi II sama ada peruntukan bagi *research in development* di negara ini diperuntukan bagi Tahun 2024/2025 dan juga juga dalam perancangan kemajuan mencukupi untuk merangsang pertumbuhan ekonomi dan mencapai Wawasan Brunei 2035 dan berapa peratuskah daripada *GDP* negara yang diperuntukkan dalam *research in development*.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat. *بِإِذْنِ اللَّهِ* Banyak perancangan-perancangan strategik dan

inisiatif-inisiatif telah disediakan oleh pihak kerajaan bagi merencanakan lagi aktiviti perekonomian di Negara Brunei Darussalam khususnya dalam membangun ke arah lima sektor utama yang dikenal pasti yang bukan minyak dan gas untuk dipesatkan pertumbuhannya lebih-lebih lagi dalam industri berorientasikan *export product*. Saya juga teruja mendengarkan perancangan-perancangan yang telah disusun dan *إِنْ شَاءَ اللَّهُ* mudah-mudahan berjaya untuk dilaksanakan sepenuhnya mengikut apa yang dihasratkan.

Walau bagaimanapun, kita perlu juga bersiap siaga menghadapi sebarang kemungkinan-kemungkinan menghadapi risiko-risiko yang boleh merencatkan perancangan dan pengeluaran produk. Antara perkara-perkara perlu ditangani dan diambil perhatian, iaitu secara proaktif adalah seperti:-

1. Kemungkinan untuk mendapatkan bahan-bahan mentah (*raw material*) yang tidak mencukupi dari luar negeri yang boleh menjejaskan pengeluaran terutama sekali untuk *diexport*;
2. Kesukaran untuk mendapatkan bahan-bahan mentah dalam waktu yang ditetapkan bagi mengelakkan tergendalanya pengeluaran-pengeluaran produk; dan
3. Tenaga kerja yang tidak mencukupi dan juga masalah-masalah yang juga sering dihadapi oleh syarikat-syarikat luar negara, iaitu berhubung

kait dengan pekerja-pekerja tempatan yang kadang-kadang berhenti dan tidak berkerja dalam waktu yang ditetapkan. Ini adalah juga satu cabaran dan juga yang satu isu yang perlu diambil perhatian, bagaimanakah *transfer of technology* dapat diambil alih oleh anak-anak tempatan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat. Pembentangan bajet pada tahun ini **اللَّهُمَّ** banyak memberikan perhatian kepada infrastruktur perniagaan dan pembangunan industri-industri dalam sektor bukan minyak dan gas dengan hasrat untuk mentransformasikan *struktur* ekonomi negara ke arah yang lebih mampan sekali gus menyediakan skim latihan berdasarkan kepada keperluan industri peniaga tempatan. Saya juga meneliti pembentangan bajet yang dibentangkan tadi.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Ingin kaola menimbulkan soalan bagaimanakah dengan isu-isu sosial seperti pembasmian kemiskinan dan juga masalah-masalah pengangguran kerana apa yang saya dapati di sini ianya tidak secara khusus dibentangkan dalam *budget* 2025 kemungkinan barangkali akan dibentangkan ataupun ada pelan-pelan tindakan mengikut jabatan-jabatan masing-masing **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** apa yang diharapkan apa jua perancangan, inisiatif-inisiatif serta pelan-pelan tindakan dilaksanakan dengan penuh bertanggungjawab, berintegriti, penuh

komitmen dengan melibatkan ke semua *stakeholders* bukan sahaja didalam kalangan pihak kerajaan tetapi termasuklah juga pihak swasta serta keseluruhan rakyat dan penduduk di negara ini.

Di samping itu, kita bersama-sama apa yang selalu "kitani" ura-urakan dalam mendukung pendekatan "*Whole of Nation Approach*" dan "*Whole of Government Approach*" dalam memastikan objektif yang ditentukan sekaligus dapat mencapai **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** kearah Wawasan Brunei 2035.

Akhirnya, marilah kita bersama-sama berdoa ke hadrat **اللَّهُ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى** dan memohon syafaat ke junjungan besar kita **نَبِيِّ مُحَمَّدٍ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ** semoga Negara Brunei Darussalam yang sama-sama kita cintai ini dibawah kepimpinan Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Muizzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar Áli Saifuddien Saádul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam akan sentiasa dikurniakan petunjuk hidayat terus berkembang maju dengan penuh kesejahteraan, keamanan dan kemakmuran lagi diredhai dan didalam perlindungan **اللَّهُ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى** dan juga kita sama-sama menanai untuk menjadikan Negara Brunei Darussalam sebagai Negara Zikir.

Akhir sekali, kaola di sini pada kesimpulannya menyokong sepenuhnya cadangan yang telah diutarakan oleh Menteri di di Jabatan Perdana Menteri

dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II terhadap *budget* bagi tahun 2024/2025.

وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ
Sekian, dan terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua Majlis.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:
Saya persilakan Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed.

Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed: Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ
dan Salam Sejahtera. Kaola menyokong sepenuhnya Rang Undang-Undang 2024, Perbekalan 2024/2025. Ucapan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II atas penerangan yang diberikan yang penuh komprehensif dan menyeluruh. Apa yang telah dibentangkan dan dipaparkan sangat-sangatlah jitu dan padu serta menepati apa yang "kitani" hasratkan ke arah menjayakan aspirasi negara khususnya Wawasan Brunei 2035.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, rakyat harus berasa bersyukur kerana perbelanjaan masih lagi mengutamakan keperluan kebajikan dan kesejahteraan awam berkaitan dengan pendidikan, kesihatan, keugamaan, kemudahan-kemudahan awam dan bagi membantu golongan yang kurang mampu dan kurang upaya serta juga membantu pengusaha-pengusaha sektor swasta dan pekerja persendirian. Tema

Belanjawan bagi Tahun Kewangan 2024/2025 "Bersatu Membina Masa Depan yang lebih Makmur" "*Building a Prosperous Future Together*" memberikan fokus-fokus yang tertentu dan kita melihat satu jangka masa hadapan yang sangat-sangat menggembirakan kerana banyak peruntukan yang bakal disediakan itu bukan sahaja akan menangani masalah-masalah ekonomi dan sektor-sektor lain di negara kita, tetapi juga untuk mencipta warganegara yang berkemahiran, *marketable*, *employable* dan *future-ready*.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, kaola tertarik dengan projek-projek yang diberi keutamaan termasuk dalam projek pertanian, industri, akuakultur, penanaman padi, projek ternakan dan juga projek-projek lain yang pelaksanaannya akan membawa limpah rahmat dan rezeki kepada rakyat negara ini.

Mudah-mudahan perancangan yang dirancang akan berjaya diusahakan dengan penuh kerjasama dari semua agensi kerajaan secara "*Whole of Nation*" dan berjaya membangun *landscape* ekonomi negara yang lebih maju lagi. Inisiatif-inisiatif baru untuk menanai penjanaan ekonomi negara mudah-mudahan akan dapat diteruskan dengan menyediakan Rang perbelanjaan ini dan perkara-perkara yang berkaitan juga akan terus berfaedah untuk rakyat dan negara terutamanya dalam pelaburan asing demi meningkatkan ekonomi negara.

Kaola ingin menyentuh beberapa perkara:

1. Berkenaan dengan kerjasama dan koordinasi diantara kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan kerajaan adalah penting untuk dibuat secara efektif agar tugas dan tanggungjawab dapat dijalankan oleh pihak-pihak yang bertanggungjawab. Saluran komunikasi antara agensi-agensi kerajaan amatlah penting agar perkara-perkara seperti penyelenggaraan dan pembaikpulihan terutamanya di kawasan perkampungan dapat dibuat dengan segera dan efisien demi menjaga kesejahteraan penduduk-penduduk negara.; dan
2. Kaola juga ingin menyentuh mengenai dengan Tekad Pemeduliaan Orang Ramai (TPOR). Sebagai wakil peringkat akar umbi, kaola turut prihatin dengan kebimbangan yang diluahkan oleh anak-anak buah kampung mengenai kekurangan dan kelambatan maklumat yang disalurkan apabila membuat permohonan-permohonan tertentu melalui agensi-agensi berkaitan. Keutamaan perlu diberikan dalam memastikan pemohon mendapat akses kepada maklumat yang mencukupi, terutamanya berkenaan status permohonan mereka.

Dalam usaha untuk memperbaiki keadaan ini, kaola ingin mencadangkan untuk melibatkan pihak-pihak berkuasa tempatan seperti penghulu atau ketua

kampung sebagai penyelaras maklumat yang diperlukan kepada pemohon agar dapat mengurangkan isu dan seterusnya mempercepatkan proses-proses yang diperlukan.

Perkara ini juga dapat dikaitkan dengan pengurusan zakat yang mungkin ada diperlukan untuk memperbaiki proses pengurusan dan memberi penjelasan kepada pemohon dengan lebih baik dan efisien. Terdapat pemohon-pemohon terutama sekali yang kurang berkemampuan menghadapi kesulitan dalam menyemak semula status permohonan melalui sistem yang sedia ada.

Oleh yang demikian, dicadangkan saluran komunikasi dan penyelarasan yang lebih baik antara pihak berkuasa tempatan dan pemohon serta meningkatkan *transparency* dalam proses permohonan. Tujuannya adalah untuk memastikan bahawa bantuan dapat diberikan kepada pemohon dengan cepat tanpa menyebabkan kesulitan yang tidak diperlukan.

Dalam kesempatan ini juga, kaola ingin mengucapkan penghargaan dan tahniah kepada semua pihak yang terlibat dalam pelaksanaan Program Khidmat Bakti Negara (PKBN). Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara pada awal tahun ini berkesempatan untuk mengadakan lawatan ke kem latihan PKBN dan dapat dilihat program ini telah membuktikan sebagai platform yang baik untuk mempersiapkan belia menuju kesiapan dan menghadapi cabaran masa depan.

Penglibatan belia dalam program ini telah memberi manfaat yang besar tidak hanya kepada belia secara peribadi tetapi kepada masyarakat secara keseluruhannya. Sekian, terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

Saya persilakan Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Momin

Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Momin:

Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ الْوَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ .

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ dan Salam Sejahtera.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat terlebih dahulu izinkan kaola mengucapkan tahniah dan syabas yang setinggi-tingginya kepada Kementerian Kewangan dan Ekonomi dan kepada Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, atas pembentangan Kertas Belanjawan Tahun Kewangan 2024/2025, yang disampaikan dengan begitu jelas dan menyeluruh disertai dengan fakta-fakta yang terperinci mengenai tumpuan strategik yang amat memuaskan.

اللَّحْمَدُ لِلَّهِ , kaola dan pastinya Ahli-Ahli Yang Berhormat yang lain berasa syukur atas peningkatan Belanjawan bagi Tahun

Kewangan 2024/2025. Peningkatan ini pastinya memberi pelbagai faedah kepada rakyat dan negara kita. Semoga belanjawan yang diperuntukkan akan digunakan dengan bijak untuk meningkatkan kesejahteraan masyarakat dan memajukan negara ke arah yang lebih baik.

Kaola bersetuju dan menyokong sepenuhnya wang peruntukan tersebut yang dibentangkan. Kaola juga ingin mengucapkan tahniah kepada semua pihak kementerian dan jabatan kerana telah banyak bertungkus-lumus, bekerja keras untuk mempertingkatkan usaha dan inisiatif dalam menjimatkan perbelanjaan kerajaan dan pada masa yang sama berusaha untuk mengurangkan perbelanjaan tanpa menjejaskan taraf hidup masyarakat dan negara.

Kaola gembira mendengar beberapa program dan inisiatif di bawah Majlis Perancangan Tenaga Kerja Manusia dan Pekerjaan (*MPEC*) bersama pihak-pihak berkaitan agar dapat mewujudkan tenaga kerja tempatan yang *employable* dan *marketable*.

Kaola juga memahami bahawa kerajaan telah giat berusaha di arah inisiatif ke arah pelan transformasi *digitalization* dan *digitalization* namun, kaola mengharapkan agar pelan ini diberi penilaian yang seimbang terhadap semua pihak dalam jabatan-jabatan serta orang awam. Kaola juga mencadangkan penggunaan *league tables* seperti liga bolasepak untuk

membuat sistem ini lebih telus. Kaola yakin penggunaan teknologi digital akan mempermudah cara kerja dengan efisien dan mengurangkan masa yang diperlukan untuk menyelesaikan tugas-tugas rutin.

Kaola mengambil maklum terdapat belanjawan yang cukup besar untuk inisiatif yang menyokong sektor kesihatan termasuk peningkatan kualiti perkhidmatan dan penyediaan di *JPMC* dan *PJSC*. Ini pasti akan meningkatkan potensi pelancongan perubatan yang dapat menyumbang kepada ekonomi negara.

Pihak kerajaan telah melakukan pelbagai usaha untuk membangunkan sektor pelancongan termasuk dalam bidang promosi dan pembangunan infrastruktur lapangan terbang yang moden dan cekap.

Kaola juga menggalakkan pelancongan Islam dengan lebih aktif. Ini boleh dilakukan dengan mempromosikan infrastruktur pelancongan Islam seperti masjid-masjid dan Balai Khazanah yang menggambarkan konsep Melayu Islam Beraja.

Kaola juga gembira mengenai *substitute import* seperti yang dibentangkan pagi tadi. Kaola mencadangkan memperluaskan senarai produk tempatan dengan harga berpatutan untuk rakyat jelata. Ini memerlukan perubahan *mindset* di semua peringkat masyarakat di Negara Brunei Darussalam. Seperti kaola fahami,

sebahagian besar pendapatan negara kita datang dari minyak dan gas, adalah lebih baik bagi kita untuk mempercepatkan projek *renewable energy* yang diselenggarakan oleh Jabatan Tenaga.

Kaola mengambil maklum bahawa kos Belanjawan 2024/2025 ini semakin meningkat dan adanya cabaran dalam pelaksanaan projek-projek di bawah perbelanjaan tersebut. Oleh itu, kaola mencadangkan bagi setiap projek mempunyai *KPI* yang merangkumi peluang-peluang pekerjaan bagi rakyat Brunei. Kaola berharap agar semua projek di bawah Belanjawan 2024/2025 ini dapat berjalan lancar dengan kerjasama penuh dari pihak kerajaan dan agensi-agensi yang berkaitan dengan memastikan kejayaan pelaksanaan projek-projek ini, **إِنْ شَاءَ اللَّهُ**.

Sekian, **وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ**.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Saya persilakan sekarang, Yang Berhormat Dayang Chong Chin Yee.

Yang Berhormat Dayang Chong Chin Yee: Terima kasih, Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan salam sejahtera.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Lebih dahulu kaola ucapkan penghargaan dan terima kasih yang setinggi-tingginya kepada Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, atas pembentangan

Rang Undang-Undang (2024) Perbekalan, Tahun Kewangan 2024/2025 yang telah disampaikan dengan begitu komprehensif dan jelas.

Kaola menyokong penuh Rang Belanjawan tersebut sesuai dengan tema "Bersatu Membina Masa Depan Yang Lebih Makmur" yang membuktikan komitmen dan keprihatinan tinggi Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam terhadap kebajikan serta kesejahteraan rakyat dan penduduk di negara ini agar terus hidup dalam keadaan aman dan makmur, berkemahiran tinggi serta berdaya saing di bawah kepimpinan bijaksana Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Sangat memberangsangkan jika dilihat peruntukan yang besar dibuat bagi memaju transformasi digital di negara kita. Pelaburan yang berfikiran ke hadapan ini sudah pasti memberi petanda untuk meningkatkan dan pemodernan infrastruktur negara kita mencerminkan komitmen dan bersedia untuk menghadapi masa depan. Walau bagaimanapun, apabila kita mengalihkan tumpuan ke arah inovatif ini, adalah penting untuk menilai bukan sahaja dari pendekatan kualiti tetapi juga secara kuantiti. Oleh itu, kaola berminat untuk memahami *return on investment (ROI)* yang dihadapkan daripada inisiatif transformasi digital ini.

Persoalannya, dalam cara apakah projek-projek ini dijangka tercapai sebagai pertumbuhan ekonomi yang boleh diukur kepada negara kita? Secara khususnya, apakah unjuran sumbangan inisiatif ini kepada *gross domestic product (GDP)* atau *indicator* ekonomi utama yang lain? Sekian, terima kasih.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

Saya persilakan sekarang, Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin.

Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ. Terima kasih, Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ. Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Salam sejahtera.

أَلْحَمْدُ لِلَّهِ. Tahniah kaola kepada Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, yang telah membentangkan Belanjawan Tahun Kewangan 2024/2025.

Mohon maaf kerana kaola belum dapat men'*digest*' isu kandungan bajet sepenuhnya kerana tiada kesempatan melihat slaid, maka pada waktu yang singkat ini, kaola akan membuat pandangan sepintas lalu dan akan memohon pencerahan dan membuat ulasan dan cadangan apabila membincangkan bajet-bajet kementerian nanti, إِنَّ شَاءَ اللَّهُ.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. **اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ** lebih dahulu tahniah kepada semua yang terlibat, dengan berkat usaha gigih semua lapisan warga kerajaan termasuk agensi-agensi yang berkenaan dan swasta yang telah menyumbangkan pertumbuhan ekonomi yang membolehkan kita mencapai bajet *surplus* bagi Tahun Kewangan 2022/2023. **اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ**, rahmat **اَللّٰهِ** masih mengalir melimpahkan rezeki-Nya kepada negara "kitani" Negara Brunei Darussalam.

Bejarih, bekarih, belurih, **اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ**. Tema Bersatu Membina Masa Depan Yang Lebih Makmur, hamba sokong patut dikekalkan. Marilah "kitani" bersama mengaminkan doa-doa sambil meningkatkan usaha untuk merealisasikan tema ini. Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Kaola turut teruja mengetahui walaupun negara menghadapi cabaran ekonomi namun kerajaan masih bersedia menyediakan peruntukan bajet \$6.2 bilion untuk Tahun Kewangan 2024/2025.

Walaupun menunjukkan sedikit peningkatan dari tahun lepas tetapi dengan *potential* defisit \$2.99 bilion akan menjadi cabaran hebat untuk menghadapinya. Dalam kesempatan yang singkat ini kaola ingin membuat beberapa soalan dan pandangan untuk dijelaskan.

1. Bajet defisit 2024/2025 iaitu \$2.99 bilion mohon nanti mungkin akan diberi pencerahan mana-mana

inisiatif dan *action plan* yang telah dikenal pasti untuk dilaksanakan bersama untuk mengurangkan jurang defisit ini tanpa mengurangkan pelaksanaan projek dan *benefit* yang telah disediakan untuk menangani isu-isu rakyat.;

2. RKN-11 dan RKN-12 prestasi "kitani" menyiapkan projek-projek dalam Rancangan Kemajuan Negara \$500 juta untuk tahun 2024 hingga 2029. Kaola teruja kerajaan akan terus menyediakan bajet yang besar untuk kemajuan negara **اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ** tetapi kaola difahamkan ada beberapa projek dan perbelanjaan dalam RKN-11 tidak dapat dilaksanakan dan ia akan **اِنْ شَاءَ اللّٰهُ** dijelaskan kemudian. Yang kaola harapkan ialah pelaksanaan RKN-12 akan mengambil kira pengalaman dalam "kitani" melaksanakan RKN-11 supaya *performance* dalam melaksanakan dalam projek RKN-12 akan dapat dicapai sepenuhnya **اِنْ شَاءَ اللّٰهُ**.
3. Pekerjaan Baharu. Kaola mengesyorkan supaya ada *target* pekerjaan baharu juga dimasukkan dalam setiap inisiatif projek kerajaan yang disenaraikan dalam RKN-12. **اِنْ شَاءَ اللّٰهُ**.
4. Pelaburan Dalam Bersukan. Kaola mohon pencerahan kalau ada peruntukan untuk membuat pelaburan membina prasarana sukan untuk menjadikan penglibatan

rakyat dalam sukan bukan sahaja sebagai satu *viable alternative for employment* tetapi juga berpotensi memajukan, mempromosikan sukan sebagai menjana ekonomi dalam *industry sport (sports tourism)*. Prasarana ini juga menjadikan kita hos sukan di peringkat sekolah-sekolah, peringkat *youth* dan belia dan universiti di peringkat *Borneo, regional* dan di peringkat *ASIA*. Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kaola turut mengaminkan doa-doa dan bertawakal kepada **اللَّهُ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى** berdo'a agar rezeki kita bertambah diberkati dan diperluaskan dan kaola sokong Usul Rang Undang-Undang Perbekalan 2024/2025 . **إِنْ شَاءَ اللَّهُ**

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

Saya jemput Yang Berhormat Dr. Awang Haji Mahali bin Haji Momin.

Yang Berhormat Dr. Awang Haji Mahali bin Haji Momin: Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ
الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ
أَجْمَعِينَ

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

وَبِاللَّهِ التَّوْفِيقُ وَالْهُدَايَةُ. وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera. Tahniah atas pembentangan yang disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II pagi

tadi. Ia begitu komprehensif dan sangat jelas.

Tahniah atas usaha-usaha dan inisiatif yang menunjukkan kemajuan. Dan ini dapat memberi harapan yang baik untuk rakyat dan penduduk negara ini. Ia memenuhi tema perbelanjaan iaitu Bersatu Membina Masa Depan Yang Lebih Makmur. Oleh yang demikian, kaola menyokong sepenuhnya Rang Undang-Undang (2024) Perbekalan, 2024/2025 yang disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II.

Walau bagaimanapun, kaola mohon pencerahan apakah usaha-usaha bagi menguatkan lagi pelaburan *FDI* yang ada masa ini yang ada hubungan dengan syarikat berkaitan dengan kerajaan iaitu *GLC*. Itu sahaja Yang Berhormat.

Sekian,

وَبِاللَّهِ التَّوْفِيقُ وَالْهُدَايَةُ. وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

Ahli-Ahli Yang Berhormat kita telah pun tadi mendengar beberapa soalan dan juga reaksi sungguh pun 'barangkali' ada yang menyatakan permulaan daripada Ahli-Ahli Yang Berhormat Yang Dilantik.

Jadi, walau macam manapun apa juga ia merupakan reaksi yang boleh diterima, tetapi saya kira setentunya Ahli-Ahli Yang Berhormat suka untuk mendengar respon barangkali daripada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan, sungguhpun respon *initiahy*a terhadap soalan-soalan atau keraguan-keraguan yang ditimbulkan oleh Ahli-Ahli Yang

Berhormat Yang Dilantik tadi. Jadi kalau Yang Berhormat Menteri yang berkenaan tidak keberatan saya ingin memberikan ruang kepada Menteri yang berkenaan untuk memberikan responnya setakat ini. Silakan Yang Berhormat.

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II: Terima kasih. Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Kaola rasa syukur kerana diberi peluang untuk menjawab sedikit mengenai soalan-soalan atau pun *feedback* yang 'kitani' dengar daripada beberapa Ahli-Ahli Yang Berhormat sebentar tadi. Mungkin kaola tidak dapat menjawab semua soalan, *feedback* yang dikongsikan tadi, memang ada peluang nanti untuk rakan-rakan sejawat kaola untuk memberi jawapan masing-masing apabila 'kitani' berbincang dari segi perbelanjaan di bawah setiap kementerian nanti. Jadi kaola hanya menyentuh sedikit mengenai beberapa tajuk yang utama. Tetapi sebelum itu kaola tertarik dengan satu *feedback* dari Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin

Soalannya bagaimana "kitani" dapat mengurangkan defisit setiap tahun ini tetapi tidak terjejas kepada perbelanjaan. Soalan itu *I think* kalau "kitani" fikirkan senang untuk dijawab. Tingkatkan sahaja hasil kerajaan ataupun mengurangkan perbelanjaan yang tidak perlu (*wasted expenditure*). Jadi perkara ini bukan sahaja mudah dilaksanakan, memang kajian pun perlu

dibuat supaya bukan sahaja 'kitani' mengurangkan perbelanjaan tetapi mesti 'kitani' fikirkan juga adakah kemungkinan *policy* atau akan menjejaskan kepada golongan yang berpendapatan rendah dan juga meningkatkan hasil kerajaan memang pada masa ini usaha-usaha 'kitani' untuk menarik lagi lebih banyak *FDI*,

Corporatization kepada beberapa perkhidmatan-perkhidmatan di bawah kerajaan adalah beberapa langkah di bawah *fiscal consolidation* untuk 'kitani' dapat mengurangkan perbelanjaan tapi tidak terjejas kepada kualiti perkhidmatan 'kitani'. Memang itu satu jawapan yang senang dijawab tapi pelaksanaannya memang akan mengambil masa dan kerjasama dari semua pihak.

Menyentuh mengenai dengan perbelanjaan "kitani" sama ada yang perbelanjaan tahunan ataupun RKN-12, mungkin "kitani" perlu memikirkan kalau dibandingkan dengan negeri-negeri lain, kebanyakan apa yang akan dibelanjakan dalam tahun kewangan yang akan datang tertakluk kepada hasil yang didapati dalam kewangan yang sebelum itu. Kalau ikut cara perbelanjaan seperti di negeri-negeri lain, mungkin "kitani" tidak mampu untuk memenuhi keperluan semua kementerian-kementerian.

Jadi, walau bagaimanapun sebagai negara yang masih membangun (*developing country*) "kitani" mesti memberi keutamaan kepada menjana *building a better future* untuk negara "kitani". Jadi, langkah-langkah yang

perlu diambil adalah seperti yang kaola terangkan dalam beberapa fokus utama dalam perbincangan "kitani" tadi pagi iaitu menjanakan modal insan "kitani" melabur dalam tenaga kerja "kitani" supaya mereka lebih meningkatkan kemahiran, supaya mereka dapat menolong negara untuk membangun ekonomi yang pada masa ini dan juga masa yang akan datang.

Jadi sementara itu, kerajaan juga mengusahakan untuk mengembangkan lagi ekonomi "kitani" menarik *FDI* menubuhkan *GLC's* dan menggalakkan PPP dan sebagainya untuk mengembangkan lagi ekonomi "kitani", menjanakan lagi lebih banyak pekerjaan yang berkualiti untuk anak-anak tempatan "kitani" yang mana sudah "kitani" dalam satu fokus utama "kitani" sentiasa meningkatkan kemahiran tenaga kerja "kitani". Sementara itu, "kitani" jua menjaga kesejahteraan orang ramai, membangun hospital, menambah baik *infrastruktur* dan sebagainya.

Jadi, walaupun hasil yang didapati dalam Tahun Kewangan sebelum ini tidak mencukupi untuk membiayai perbelanjaan pada Tahun Kewangan yang akan datang, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam teruskan juga mengalami defisit supaya diharapkan juga tenaga kerja "kitani" ini terus meningkatkan kemahiran mereka.

"kitani" usahakan jua menarik lagi *FDI* supaya "kitani" dapat satu hari nanti "kitani" dapat sama-sama membangun negara, membangun ekonomi "kitani". Inilah yang diharapkan dari setahun ke setahun. Oleh kerana itu, tema "kitani" ini berterusan untuk *invest in our future*.

Jadi, dari segi RKN-12 sama ada cukup atau tidak, itu "kitani" ikut keperluan kerajaan. Perlu "kitani" membuat projek-projek yang telah dikongsikan tadi memang detailnya akan dikongsikan lagi kepada orang ramai kemudian tapi projek-projek di RKN-12 ini mengikut keperluan kerajaan supaya "kitani" dapat menyediakan infrastruktur yang mencukupi untuk "kitani" belanja untuk meningkatkan kemahiran anak-anak tempatan dan sebagainya. Bukan ikut keperluan *business community*. Kalau ada projek "kitani" perlu buat, kerajaan memang akan buat.

Tapi bukannya *because business community* tidak cukup *business*, "kitani" mesti bangunkan lagi fasiliti-fasiliti supaya mereka dapat bisnes. Kalau "kitani" inada memerlukan infrastruktur itu kenapa pula kerajaan hendak bangunkan, dijadikan *white elephant*. Itulah yang "kitani" semasa perundingan projek-projek di bawah RKN-12 ini, "kitani" memikirkan memang dipandukan oleh Wawasan Brunei 2035.

Dalam projek-projek, 305 projek itu dibagi-bagikan yang mana projek untuk menyokong matlamat 1, yang mana projek menyokong matlamat 2, yang mana matlamat 3, yang lain-lain *enablers*

project yang mana ia tidak dapat dikenal pasti sama ada untuk matlamat 1 atau 2, tapi ia *support* semua matlamatnya.

Jadi ada dipandukan projek-projek yang telah disenaraikan dalam RKN-12 itu. Jadi kaola tadi pagi sudah kongsi juga, ekonomi "kitani" kalau dilihat sejak beberapa tahun yang sebelum ini sudah nampak ia *heading in the right direction*. *Non-Oil and Gas Sector* (sektor bukan minyak dan gas) sejak 2017 hingga sekarang purata pada setiap tahun 4.3% pertumbuhan *GDP*. Kalau *imagine* satu negara ia tidak ada *oil and gas*, cuma apa yang *non-oil and gas* itu, maksudnya negara "kitani" punya *GDP every year* 4.3% dibandingkan dengan ekonomi-ekonomi lain, ini satu pencapaian yang impresif, 4.3% *continuously*.

Pengangguran sejak tahun 2011 (9.3%), 2017 (9%), sekarang 'kitani' (5.2%) 2022, ini termasuk individu yang masih menunggu kerja dalam 6 bulan ini. Tapi kalau diikuti cara negeri-negeri lain mengira pengangguran, siapa yang belum dapat kerja yang *unemployed* dalam 6 bulan ke bawah tidak dikira dalam statistik. Tapi dalam negeri 'kitani', 'kitani' masukkan semua jadi 5.2%. Jadi, kalau 'kitani' anda kira siapa yang *unemployed* di bawah 6 bulan pengangguran *is about* 2.6%.

Tapi memang kalau setiap individu di Brunei belum mendapat pekerjaan, memang menjadi isu. Memang kerajaan akan memikirkan cara untuk 'kitani' menjana pekerjaan bagi mereka yang belum bekerja. Perkara ini memang

sudah dibawa ke *high level discussion*, *إِنْ شَاءَ اللَّهُ* akan dibincangkan dengan lebih mendalam pada masa yang terdekat. Memang satu perkara yang penting dan kerajaan mengambil berat atas isu pengangguran ini.

Macroeconomic statistics menunjukkan dari segi *trade* 'kitani' dengan negera-negera lain sudah nampak kemajuan sehingga *export* 'kitani' bagi *non-oil and gas* sudah melebihi sektor minyak dan gas. Jadi kenapa masih juga orang ramai sepertimana yang dikongsi oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat tadi masih jua ada *business community* ini yang *complaint* ataupun merasa ekonomi tidak cukup maju. Memang ada sebabnya Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Kalau 'kitani' lihat perkembangan atau pertumbuhan *GDP* 'kitani' ini kebanyakannya lebih kepada *manufacturing industry* seperti *Hengyi*, *BFI*, *BMC* dan sebagainya. Jadi kalau 'kitani' pecahkan yang lain-lain, 'kitani' lihat dari segi *food and beverage* memang ada satu subsektor yang meningkat. Kalau mana-mana perniagaan yang terlibat dalam *food*, memang terasa ada kemajuan. Tapi kebanyakan *SME* "kitani", terutamanya dalam *wholesale and retail sector*, *wholesale and retail sector* ini nampak menurun.

Mungkin disebabkan penurunan inilah banyak *SME* 'kitani' dalam subsektor ini ada kerisauan. Kenapa ekonomi ini tidak maju? Ini ada beberapa sebab Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

'kitani' melihat inflasi semakin meningkat dalam beberapa tahun sebelum ini. Kadar deposit di bank pun lebih tinggi daripada sebelum ini. Jadi memang di mana-mana ekonomi teori ini, kalau kadar simpanan lebih tinggi, ia *encourage saving, discourage spending*.

Ini adalah satu cara untuk mengatasi *inflation*. Isu kedua, mungkin kebanyakan orang 'kitani' ke luar negeri pada hujung tahun jadi memang banyak berbelanja di luar negeri daripada berbelanja di *retail sector* dalam negeri. Ini satu masalah.

Kaola bukannya ingin memberi *excuse* tetapi macam mana 'kitani' dapat *control* orang ke luar negeri. Isu ketiga, 'kitani' melihat pada zaman sekarang ini, ramai orang menggunakan *online shopping* walaupun tidak ke luar negeri.

Kalau dibandingkan dengan zaman sebelum ini, kebanyakan orang 'kitani' membeli keperluan dari dalam negeri. Tetapi sekarang boleh menggunakan *online shopping*. Perkara ini bukan saja terjadi di Negara Brunei Darussalam. 'kitani' boleh lihat *United Kingdom, retail space department store* banyak tutup. Ini suatu fenomena yang menjejaskan *economic structure* di seluruh dunia pada masa ini.

Jadi itu mungkin menjejaskan *business sentiment* di negara ini *which is* tidak juga berbeza dengan negeri-negeri lain. Satu juga yang perlu 'kitani' fikirkan, ekonomi ini bukan suatu perkara yang dapat dijamin. Adakah pertubuhan *GDP* saja yang terus maju? Bertahun-tahun meningkat dan ada jua datang masanya

downturn. Jadi *business community* ini terpaksa di mana-mana saja penyebabnya, *it's not government's doing*. 'kitani' memang satu ekonomi terbuka. Memang apa saja faktor-faktor yang menjejaskan ekonomi dunia ini akan menjejaskan ekonomi 'kitani' jua. Jadi 'kitani' perlulah respon kepadanya juga, *that's why* bisnes 'kitani' ini juga mesti **agile** dan *versatile*.

Memang ada masanya bisnes kurang baik daripada yang sebelum ini. Ertinya mesti satu *fact that we must admit*. *Business cannot be continuously growing*. Pada masa ini 'kitani' lihat ekonomi dunia, *many countries not doing well. Economy not doing well. إِنَّ شَاءَ اللَّهُ* dengan usaha-usaha 'kitani' untuk meneruskan beberapa strategi dan inisiatif-inisiatif ini, kaola yakin dengan indikator-indikator yang kaola terangkan seperti *macroeconomic indicator* akan dapat mengatasi isu dari segi *economic diversification*.

Dari segi *tourism*, mungkin satu hari nanti rakan sejawat kaola semasa Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini akan menjawabnya tetapi kaola tambah sedikit. Kalau dibandingkan *tourism number* tahun 2019 dengan tahun 2018, 2019 'kitani' punya *tourism number* jauh meningkat *because* 'kitani' banyak pelancong dari negeri China. Tapi kalau 'kitani' lihat masa ini, ekonomi negeri China sudah terjejas. Jadi jumlah *tourist* dari negeri China ini semakin kurang. Ini memang sudah terasa di negara-negara *Europe, Amerika* dan jua *ASEAN*. Jadi macam mana 'kitani' akan terus meningkatkan lagi *tourism*? Ini bukan

satu perkara yang *straight forward* tetapi 'kitani'mesti terus usahakan.

Kaola akan mengongsikan pandangan kaola atas sebab-sebab yang boleh menjejaskan segi pelancongan ini. Ada sebahagian soalan mungkin kaola belum dapat berikan penjelasan. **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** jika ada maklumat-maklumatnya kaola akan kongsi lagi. Itu sahaja yang dapat kaola kongsi.

Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

Terima kasih Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II. Saya kira cukup sekian kita mengadakan perbincangan bagi Rang Undang-Undang (2024) Perbekalan, 2024/2025 ini maka sebagaimana lazimnya dan menurut peraturan kita ada baiknya sekarang Rang ini kita undi. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang setuju sila angkat tangan.

(Semua Ahli mengangkat tangan tanda bersetuju)

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Nampaknya Ahli-Ahli Yang Berhormat bersetuju.

Yang Mulia Jurutulis: "Suatu Akta Untuk Membekalkan Sejumlah Wang Dari Kumpulan Wang Yang Disatukan Bagi Perkhidmatan Tahun Kewangan 2024/2025 dan untuk memperuntukkan wang yang tersebut itu bagi maksud-maksud tertentu".

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

Ahli-Ahli Yang Berhormat. **أَلْحَمْدُ لِلَّهِ** Rang Undang-Undang Yang Bergelar: "**Suatu Akta Untuk Membekalkan Sejumlah Wang Dari Kumpulan Wang Yang Disatukan Bagi Perkhidmatan Tahun Kewangan 2024/2025 dan untuk memperuntukkan wang yang tersebut itu bagi maksud-maksud tertentu**" telah pun kita undi.

Saya kira cukuplah dulu kita bersidang pada hari ini, persidangan ini sekarang saya tangguhkan dan **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** kita bersidang semula pada hari Sabtu, 2 Mac 2024 sebagaimana lazimnya mulai dari pukul 9:30 pagi.

Sekian,

وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)